



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 18 MAC 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	MAFI TANDATANGAN MOU BERSAMA RAKAN STRATEGIK UNTUK PEMBINAAN MODEL PERTANIAN TANAH RENDAH & PUSAT INKUBATOR PERTAMA DI MALAYSIA, SIAKAP KELI -ONLINE SIN CHEW DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	HASIL PADI TERBANYAK SEJAK 20 TAHUN, LOKAL, HM -13	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	100 PESAWAH MANGSA CUACA KACAU, MUKA DEPAN, HM -1 SALAH PERCATURAN MUSIM, LOKAL, HM -22 500 HEKTAR PADI MUSNAH, NASIONAL, BH -25 FAHAMI MASALAH PESAWAH, NASIONAL, BH -25 PENDUDUK BANTAH RIZAB PADANG KERBAU 'DIRAMPAS', NEGARA, KOSMO -15 'TUANG KICAP KELUAR LALAT', LOKAL, HM -24 'TUANG KICAP PUN KELUAR LALAT', NEGERI PERAK, SH -28 TANGKAP ANJING TERBIAR KERJA SUKAR, NEGERI SELANGOR, SH -25 PERLIS HARUMANIS GROWERS ALL SET FOR VISITORS, NEWS, THE SUN -4 GK AQUA LAUNCHES MUGA FOR B40, NEWS, NST -17 10 YEAR OLD SUFI BENT TO BECOMING A FISH BREEDER, NEWS, NST -8	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2022	SIKAP KELI	ONLINE	

## MAFI Tandatangani MOU Bersama Rakan Strategik Untuk Pembinaan Model Pertanian Tanah Rendah & Pusat Inkubator Pertama Di Malaysia



KUALA LUMPUR, 16 MAC 2022 – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian Malaysia telah menganjurkan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara ABS Greentech Sdn. Bhd., Lentiz Education Group, Priva Horticulture B.V., Powerplants Australia Pty Ltd. dan Rijk Zwaan.

Memorandum ini bertujuan untuk mewujudkan satu kolaborasi antara rakan strategik dalam pembinaan satu model farm low land (tanah rendah) berserta Pusat Latihan (Incubator-Center) yang pertama di Malaysia yang dicadangkan di Projek Pertanian Moden Kluang, Johor.

Model Farm ini akan digunakan untuk menjalankan aktiviti pertanian moden dan latihan yang berasaskan penggunaan kaedah Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). IPM juga merupakan salah satu kriteria dalam pensijilan amalan pertanian baik (myGAP) untuk menjamin kualiti dan keselamatan produk pertanian yang dihasilkan.

Kepakaran lima syarikat ini dapat membantu meningkatkan kualiti hasil pertanian, mengurangkan penggunaan racun sintetik yang berlebihan dan membuka lebih banyak peluang pasaran dalam dan luar negara.

Dr. Ronald berkata Majlis Penandatanganan MoU ini merupakan antara usaha berterusan MAFI dalam penambahbaikan program pengurusan perosak tanaman yang merupakan salah satu fokus utama MAFI dalam memastikan pengeluaran produk tanaman negara memenuhi visi keselamatan makanan dan sekuriti makanan seperti yang dihasratkan dalam Dasar Agromakanan Negara, 2021-2030 (DAN 2.0).

**“Melalui kerjasama ini, usahawan khususnya petani muda akan diberi latihan jangka pendek dalam pengurusan tanaman terutamanya melibatkan penggunaan teknologi terkini bagi aktiviti agronomi dan program pengurusan perosak yang lebih mesra alam, menjimatkan dan selamat untuk biodiversiti kita,” kata Dr. Ronald.**

Berdasarkan kepada maklumat terkini daripada pihak Food and Agriculture Organization (FAO), perosak dan penyakit tanaman telah mengakibatkan kerugian ketara hasil tanaman makanan sebanyak 20 hingga 40 peratus dan turut mencatatkan kerugian dalam perdagangan produk pertanian dunia melebihi USD 220 bilion atau bersamaan dengan hampir RM 1 trilion setahun.

Di Malaysia sendiri, pelbagai masalah serangan perosak dan penyakit invasif telah direkodkan saban tahun. Sejak lima tahun kebelakangan ini, tanaman di Malaysia telah diserang oleh pelbagai jenis perosak invasif antaranya Kumbang Merah Palma (Red palm weevil – RPW) pada tanaman kelapa,

penyakit Hawar Bulir Bakteria (Bacterial panicle blight – BPB) pada tanaman padi dan yang terkini ulat ratus Fall Armyworm (FAW) pada tanaman jagung.

Ketiga-tiga perosak ini telah menyebabkan kerugian hampir RM10 bilion kepada bukan sahaja hasil tanaman dan perdagangan, malah mengakibatkan kerajaan terpaksa membelanjakan lebih RM5 juta untuk aktiviti kawalan dan pemusnahan haiwan perosak di seluruh negara dalam tempoh 5 tahun tersebut.

Pada masa yang sama, perosak tanaman sedia ada seperti thrips, lalat buah, scale insects, mites dan leafminer telah memberi kesan ekonomik kepada tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan negara terutamanya kepada produk yang berpotensi tinggi untuk dieksport.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memberikan sepenuh sokongan bagi inisiatif seumpama ini yang menjadi bukti komitmen pihak industri dalam menyokong inisiatif kerajaan dalam melaksanakan pengurusan perosak secara mampan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai pihak.

Turut hadir pada majlis penandatanganan hari ini adalah YB Datuk Seri Hj. Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri I MAFI, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI dan YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2022	SIN CHEW DAILY	ONLINE	

## 渔业局证实 鱿鱼圈没有猪DNA

字

(吉隆坡15日讯) 渔业局今日证实，社媒上流传某鱿鱼圈产品使用猪大肠和肛门制成的鱿鱼圈样本经过化验后，并没有发现猪的脱氧核糖核酸(DNA)。

渔业局(管理)副总监莫哈末苏菲安向马新社指出，该局是通过吉隆坡渔业生物安全中心化验室对该鱿鱼圈样本进行化验。

“因此，渔业局确认深受本地消费者欢迎的冷冻鱿鱼圈样本是安全的，且不含任何猪的基因。”

他说，这项化验结果将送交大马伊斯兰发展局，以便采取下一步行动。

莫哈末苏菲安也劝请公众不要散播任何不实的信息，因为这将引起消费者不安和担忧。

社交媒体日前疯传一则消息，声称国内市面上售卖的某个鱿鱼圈冷冻食品，是使用猪的大肠和肛门，再调上鱿鱼口味所加工制成。

Oleh Izad Thaqif Hassan  
an@hmetro.com.my

### Pendang

Golongan petani yang mengikuti program Pengurusan Tanah Padi Bersepadu (PTPB) Perubahan Peladang Kebangsaan (NAFAS)-PETRONAS di Kampung Nam Dam di sini, lega apabila pendapatan diperoleh bertambah daripada sebelumnya.

Malah, projek rintis itu dilihat berjaya membuka mata 70 peratus generasi muda di kampung tersebut untuk meneruskan legasi sebagai petani selepas melihat hasil dan perkembangan yang ditunjukkan.

Petani, Ramli Saud, 62, bersyukur dan menganggap program PTPB ini sebagai projek yang berimpak besar buat penduduk yang selama ini menggunakan tradisi lama menanam padi.

"Pendapatan kami bertambah lebih sekali ganda kerana diajar cara betul dengan bantuan daripada tenaga pengajar dan juga penggunaan baja serta penguasaan padi mengikut prosedur operasi standard (SOP),"

"Penggunaan peralatan moden seperti, drone serta jentera banyak memberi perubahan selain hasil diperolehi amat menguntungkan," katanya.

Menurutnya, sejak lebih 20 tahun menjadi petani, ini adalah hasil terbanyak diperolehi selepas mengikuti program PTPB NAFAS-PETRONAS walaupun pada mulanya kurang yakin

# Hasil padi terbanyak sejak 20 tahun

## Petani PTPB NAFAS-PETRONAS nikmati peningkatan taraf hidup



ZULKIFLI (kanan) menunjukkan baja yang digunakan petani program PTPB NAFAS-PETRONAS di Kampung Nam Dam, Peridang.

dapat memartabatkan nasib petani dan mengubah hidup mereka.

"Bukan sekadar meningkatkan taraf ekonomi petani dan penduduk sekitar, malah dengan adanya projek perintis ini ia sekurang-kurangnya dapat meningkatkan keselamatan dan kedaulatan negara sekaligus mengurangkan kadar import beras.

"Apa yang unikinya dalam projek ini adalah kerana bukannya mudah untuk mengumpul seramai 68 peserta namun dengan bantuan tenaga pengajar yang membimbing, mengikut SOP

projek rintis ini sudah berjaya mencatatkan hasil yang membarangsangkan bagi dua musim," katanya.

Bagi musim pertama, purata hasil pengumpulan menunjukkan peningkatan lebih enam tan metrik sekitar berbanding kira-kira tiga tan metrik sehektar pada musim sebelumnya dan hasil untuk musim kedua juga membarangsangkan walaupun tanpa sistem pengaliran dengan hanya berganjung kepada hujan.

Pengurus Kanan Kumpulan Analisa Bisnes NAFAS Nazwan Fauzan berkata, setakat ini terdapat perancangan membawa konsep dan kaedah sama kepada petani di luar Kedah dengan dua Pertubuhan Peladang Kawas (PPK) di Terengganu sudah dikenal pasti.

"Melihat kejayaan program perintis PTPB di sini ia dianggap sebagai langkah berjaya, jadi kita berhasrat untuk membawa pengalaman dan kaedah sama ke dua PPK di Terengganu iaitu Gerai dan Kerandang. Jika mereka bersetuju kita akan melaksanakannya bermula 'kua lai,' katanya.

Ketua Teknikal Pembangunan Produk Baja dan Pakar Agronomi PETRONAS Chemicals Group Berhad (PCG) Shahardin Bakar berkata, penggunaan baja Agrinas DTU yang dihasilkan PCG dalam tanaman padi hasil kajian projek perintis PTPB musim pertama menunjukkan peningkatan lebih 50 peratus hasil ke luaran padi berbanding penggunaan urea biasa.



ZULKIFLI



RAMLI

NAFAS serta PETRONAS dan mula menunjukkan minat untuk menjadi seorang petani," katanya.

Sementara itu, Ketua

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2022	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1

**RASAI  
BERITA  
SEBENAR**



**PADI TAK JADI  
100 PESAWAH MANGSA  
CUACA KACAU**

MS22

Oleh Siti Rohana Idris.  
am@bmetro.com.my

Tumpat

# Salah percaturan musim

## 100 pesawah berdepan kerugian besar padi musnah akibat banjir luar jangka

Hampir 100 pesawah di beberapa kampung di daerah ini menanggung kerugian disebabkan kemusnahan tanaman padi akibat banjir luar jangka yang melanda baru-baru ini.

Kemusnahan 500 hektar tanah padi itu membabitkan lebih 10 kampung yang dilanda banjir seterusnya menyebabkan banjir termuncung selama seminggu untuk surat sepenuhnya.

Antara kawasan terdabit adalah Kampung Bendang Pak Yong, Simpang, Naga Ibu, Pisan Raut, Derdap, Kubang Sebidang, Jejuluk, Kubang Sawa, Kuala Jambu dan Teluk Jering.

Ketua Unit Peladang Bendang Pak Yong, Che Harun Omar, 60, berkata, semua padi yang musnah berusia sekitar 50 hari hingga dua bulan dan ketika banjir melanda, proses membaja serta meracun baru selesai.

"Melihatkan 'edah' musim tengkujuh beransur tamat, semua pesawah mula menanam padi pada awal Januari lalu tambahan pula penghujung tahun lepas, tidak banjir.

"Kami menabur benih se-

terusnya proses membaja serta meracun, malah ada juga memulakannya lebih awal apabila padi yang berbuah sangat elok dan hanya menunggu masa dimai.

"Bagaimanapun percaturan kami memakan diri apabila hujung bulan lalu, hujan berterusan melanda dan menyebabkan kami resah lebih-lebih lagi mengetahui daerah jiran iaitu Pasir Mas serta Rantau Panjang mula dinaiki air," katanya, semalam.

Che Harun berkata, limpahan air berlaku 28 Februari lalu menyebabkan air setinggi tiga meter memenuhi lamkan semua tanaman dan pesawah tidak mampu berbuat apa-apa.

Dia yang mengusahakan tanah padi seluas 40 hektar berkata, bukan sekadar menanggung kerugian mencecah RM30,000 tapi berdepan hutang benih padi sebanyak RM40,000 yang diambil daripada pihak berwajib.

"Kami buntu memulakan penanaman musim kedua yang dijangka pertengahan

tahun ini kerana tiada modal malah hutang juga entah bagaimana boleh dilangsaikan," katanya.

Seorang lagi pesawah dari Kampung Simpangan, Mohd Faizul Mat Rifan, 37, berkata, dia memulakan penanaman pada penghujung Disember lalu dan berbeki dua bulan sahaja untuk menuai yang ditanam di tanah seluas 11 hektar.

Dia yang mengeluarkan modal lebih RM3,000 termasuk anak benih dan baja tambahan berkata, kejadian luar jangka itu semestinya memberikan tamparan buat mereka kerana hanya bergantung hidup kepada sumbu ber tanaman padi.

"Beberapa hari lalu kami dimaklumkan supaya mengahantar maklumat diri dan anggaran kerugian serta gambar sawah padi yang rosak kepada pihak berwajib yang menjanjikan ada bantuan bakal menyusul.

"Kami harap dibantu kerana banyak berhabis modal dan tiada iktiar lain memulakan penanaman musim selepas ini," katanya.



PESAWAH memunjikan hasil tanaman mereka yang rosak akibat banjir di luar jangka akhir Februari lalu di Kampung Bendang Pak Yong.

# 500 hektar padi musnah

100 petani  
tanggung  
kerugian besar  
susulan banjir  
luar jangka

Oleh Siti Rohana Idris  
bhnews@bh.com.my

**Tumpat:** Hampir 100 pesawah di 10 kampung di daerah ini menanggung kerugian besar akibat kemusnahan kira-kira 500 hektar tanaman padi susulan banjir luar jangka baru-baru ini.

Keadaan di Kampung Bendang Pak Yong, Simpangan, Naga Ibu, Pisau Raut, Derdap, Kajang Sebidang, Jejulok, Kubang Sawa, Kuala Jambu dan Teluk Jering itu diburukkan lagi dengan 'banjir termenung' menecah seminggu untuk surut sepenuhnya.

Ketua Unit Peladang Bendang Pak Yong, Che Harun Omar, 60, berkata semua padi yang musnah berusia sekitar 50 hari hingga dua bulan dan ketika banjir me-



Pesawah menunjukkan hasil tanaman yang rosak akibat banjir akhir Februari lalu di Kampung Bendang Pak Yong, Tumpat, semalam.

(Foto Nik Abdulliah Nik Omar/BH)

landa, proses membaja serta meracun baru selesai.

"Melihatkan musim tengkujuh sudah beransur tamat, semua pesawah mula menanam padi pada awal Januari lalu, tambahan pula penghujung tahun lalu tiada berlaku banjir. Kami mula tabur benih, membaja dan meracun, malah ada sudah memulakannya awal lagi yang mana padi ber-

buah sangat elok dan hanya menunggu masa untuk dituai.

"Bagaimanapun hujung bulan lalu, hujan berterusan dan menyebabkan kami resah lebih-lebih lagi Pasir Mas serta Rantau Panjang mula dinaiki air. Limbah air mula 28 Februari menyebabkan air setinggi tiga meter memenuhi sawah, sekali gus menenggelamkan semua tana-

man dan pesawah tidak mampu berbuat apa-apa," katanya.

Dia yang mengusahakan sawah seluas 40 hektar, berkata bukan hanya menanggung kerugian menecah RM30,000, tetapi juga berdepan hutang benih padi RM40,000 yang diambil daripada pihak berwajib, sekali gus buntu untuk memulakan penanaman musim kedua dijangka pertengahan tahun ini kerana sudah tiada modal, malah tidak tahu cara melangsangkan hutang.

Pesawah dari Kampung Simpangan, Mohd Faizul Mat Rifan, 37, pula berkata, dia memulakan penanaman pada hujung Disember lalu dan hanya berbaki kira-kira dua bulan sahaja untuk menuai padinya di tanah seluas 11 hektar.

"Saya sudah keluar modal lebih RM3,000 termasuk benih dan baja tambahan. Banjir luar jangka itu memberi tamparan kerana kami hanya bergantung hidup kepada padi.

"Peberapa hari lalu, kami dimaklumkan supaya hantar maklumat diri dan anggaran kerugian berserta gambar sawah padi rosak kepada pihak berwajib yang menjangkakan sedikit bantuan," katanya.

## Fahami masalah pesawah

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) menegesa kerajaan, wakil rakyat dan parti politik supaya lebih cakna serta berusaha memahami permasalahan dihadapi pesawah negara ini.

Pengerusinya, Fuad Yaakob, berkata pihaknya kecewa dengan segala tohmahan, kononnya petani di Malaysia tidak berpengetahuan dan gagal menjamin bekalan makanan negara.

"Hakikatnya, petani bersawah turun temurun menunjukkan kesinambungan ilmu dan pengalaman dalam bersawah yang luas dan intim dengan ekosistem padi.

Sebab itu kami mahu semua wakil rakyat, parti politik dan kerajaan mendengar suara pesawah dan cuba faham apa sebenarnya masalah dihadapi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan memorandum mengandungi 14 saranan bertujuan mengangkat suara pesawah di luar Parlimen, semalam. Memorandum diserahkan kepada Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Seri Mukhriz Mahathir yang turut disertai Ahli Parlimen Kubang Pasu, Datuk Amiruddin Hamzah.



## Penduduk bantah rizab padang kerbau 'dirampas'



SEBAHAGIAN penduduk yang mengadakan bantahan aman di Kampung Seri Tanjung di Temerloh semalam.

**KUALA KRAU** – Penduduk Kampung Seri Tanjung di sini mengadakan demonstrasi aman bagi membantah kawasan rizab padang kerbau seluas 40.13 hektar di kampung itu yang diserahkan kepada pemaju luar untuk projek tanaman kelapa.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak, Baderul Hisham Zainuddin berkata, kawasan tersebut telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sejak 2018 untuk Rancangan Tanah Kelompok (RTK) generasi kedua bagi mengusahakan teruskan integrasi lembu, kerbau dan aktiviti tanaman konitan.

Katanya, pada masa ini kawasan tersebut telah diusahakan 120 orang penduduk dengan teruskan lembu dan kerbau sejak

sepuh tahun lalu yang menjadi sumber pendapatan mereka.

"Kini timbul persoalan kenapa rizab padang kerbau kampung ini dihapuskan kepada pemaju luar yang difahamkan hanya memohon kepada pihak berkuasa tanah kepada pihak berkuasa ta-mohanan penduduk diabaikan.

"Kami terkilan dengan layan berbeza ke atas penduduk sedangkan kampung berham-piran telah diluluskan kepada penduduk di bawah projek Rancangan Tanah Kelompok (RTK)," katanya di sini semalam.

Dakwanya surat bantahan telah dikemukakan kepada kerajaan negeri, wakil rakyat dan Pegawai Daerah Temerloh serta pemaju swasta terbabit.

Beliau berkata, pihaknya telah membuat laporan polis pada

18 Februari lepas ke atas syarikat swasta kerana memaikan papan iklan projek tanaman kelapa di Kampung Sri Tanjung. Mukim Jenderak tanpa pengetahuan ahli jawatankuasa bertindak.

Katanya, laporan polis dibuat bertujuan untuk mempertahankan dan membantah kawasan rizab padang kerbau di kampung ini kepada pemaju luar yang sewenang-wenang memberi amaran tindakan jika menceroboh kawasan berkenaan.

Dalam pada itu, Biro Pertanian dan Ternakan JKKK Kampung Seri Tanjung, Arifin Kamarudin, 58, berkata, kawasan projek tanaman kelapa itu turut melibatkan padang bola sepak yang menjadi kawasan pendaratan helikopter apabila berlaku musibah banjir di kawasan berkenaan.

Oleh Shaiful Shahrin  
Ahmad Pauzi  
am@hmetro.com.my

### Bagan Serai

**P**enduduk Kampung Changkat Lobak di Alor Pongsu, dekat sini, cukup berharap masalah lalat yang tidak berkesudahan sejak 30 tahun lalu segera berakhir.

"Sudah 30 tahun kami hadapi masalah lalat. Bayangkan, bila hendak makan nasi, tuang kicap mesti ada keluar lalat," kata Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Changkat Lobak Ridzuan Zulkifli, 33, berkaitan masalah lalat yang dihadapi penduduk.

Ridzuan mendakwa, masalah lalat yang berlarutan berpunca daripada ladang terbuka yang diusahakan beberapa pengusaha.

"Masalah lalat ini tidak pernah selesai. Bayangkan, apabila pulang kerja, kami nak makan nasi. Tuang kicap saja, keluar lalat daripada dalam botol.

"Itu belum di kedai makan lagi. Ada kalanya orang luar yang datang hendak makan terpaksa membatalkan niat mereka kerana lalat terlalu banyak.

"Ia turut menjejaskan ekonomi pengusaha kedai makan. Begitu juga kenduri, kita sebagai tuan rumah malu dan kasihan kepada orang luar yang berkunjung," katanya.

Ridzuan berkata demikian selepas bersama-sama meninjau sebuah ladang ternakan ayam di lokasi berhampiran bersama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan Razman Zakaria semalam.

LADANG ternakan ayam yang didakwa penduduk menjadi punca kehadiran lalat.



# 'Tuang kicap keluar lalat'

*Penduduk dakwa ladang ayam terbuka jadi penyebab kehadiran lalat di kampung*



**"Masalah lalat ini tidak pernah selesai"**

Ridzuan

Menurut Ridzuan, masalah lalat ini juga pernah menyebabkan hampir keseluruhan penduduk kampung mengalami cirit-birit.

"Kami berharap kerajaan negeri dapat menyelesaikan

isu ini segera.

"Paling tidak pun, pihak berkaitan dapat menutup sementara ladang terbuka ini sehinggalah ia diubah kepada reban bertutup.

"Kasihan orang kampung, setiap hari hadapi masalah sama dan umpama tiada kesudahan," katanya.

Seorang lagi penduduk, Zulkifli Mat Yusof, 60, berkata, penduduk umpama sudah lali dengan masalah lalat.

"Setiap hari, makanan dan minuman sentiasa perlu ditutup rapi. Jika tidak, ia pasti men-

jadi 'lubuk' lalat.

"Perkara yang menjadi persoalan penduduk bukan setakat masalah lalat dan ladang terbuka itu malah kedudukannya yang begitu hampir dengan jalan raya serta kediaman penduduk," katanya.

Sementara itu, Razman berkata, pihaknya difahamkan pengusaha ladang dikenakan kompaun RM2,000 tahun lalu kerana membebarkan pembiakan larva.

Tambahnya, kerajaan negeri mengambil berat aduan rakyat dan untuk jangka masa pendek, pihaknya akan mengarahkan pihak berkaitan supaya meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan berdasarkan enakmen sedia ada.

# 'Tuang kicap pun keluar lalat'

Penduduk harap masalah lalat dapat diselesaikan segera

Oleh NORMAWATI ADNAN

## BAGAN SERAI

**T**uang kicap keluar lalat dari botol. Itu antara situasi terpaksa dihadapi lebih 1,000 penduduk di Batu 2 Kampung Changkat Lobak, di sini susulan gangguan lalat sejak lebih 20 tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Changkat Lobak, Muhammad Ridzuan Zulkifli berkata, gangguan berlarutan itu berpunca dari ladang ternakan ayam yang diusahakan secara terbuka oleh beberapa penternak tidak jauh dari lokasi penempatan.

"Masalah lalat ini tidak pernah selesai dan menjadi mimpi ngeri kepada penduduk.

"Bayangkan, bila balik kerja nak makan nasi dan tuang kicap, keluar lalat dari dalam botol,

"Itu belum lagi penderitaan yang dihadapi oleh pengusaha kedai makan, akibat lalat pelanggan yang datang nak makan beredar begitu sahaja," katanya kepada pemberita di sini pada Khamis.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan lawat-



Penduduk mengutarakan masalah kacau ganggu lalat sempena lawatan kerja Razman (tengah) di Batu 2 Kampung Changkat Lobak di Bagan Serai pada Khamis.

an kerja Exco Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria.

Muhammad Ridzuan berkata, pernah berlaku di kampung itu, penduduk yang hadir makan kenduri mengalami cirit-birit kesan daripada makanan yang tercemar akibat gangguan lalat yang kritikal.

Penduduk, Zulkifli Mat Yusof, 60, berharap, kerajaan negeri dapat menyelesaikan isu berkenaan dengan segera.

Katanya, pemeriksaan dan langkah penguatkuasaan oleh jabatan berkaitan perlu dilaksanakan lebih kerap sebagai peringatan kepada penternak terlibat.

"Sampai bila penduduk harus bersabar, gangguan lalat ini bukan masalah baharu, tetapi sudah berlarutan lebih 20 tahun.

"Harap selepas ini akan ada penyelesaian yang menjamin kedua-dua pihak," ujarnya.

Sementara itu, Razman memberi jaminan bahawa kerajaan negeri akan meningkatkan penguatkuasaan dengan mengarahkan Jabatan Veterinar mengambil tindakan terhadap ladang ayam terlibat.

Katanya, dalam situasi sekarang, pemilik ladang ayam dinasihatkan segera menukar konsep ladang terbuka mereka kepada ladang moden agar tidak menimbulkan kesulitan kacau ganggu lalat kepada penduduk di penempatan berdekatan.

"Kerajaan negeri kini sedang dalam proses menyiapkan draf enakmen baharu berhubung perkara ini untuk dibentangkan di Persidangan Dewan Undangan Negeri tidak lama lagi," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2022	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR	25

## Tangkap anjing terbiar kerja sukar

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor masih tiada perancangan untuk melaksanakan kaedah lebih drastik bagi mengawal anjing terbiar di negeri ini.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim berkata, proses untuk menangkap anjing terbiar bukanlah sesuatu yang mudah.



**IZHAM**

“Masalahnya, anjing terbiar sukar untuk kita kawal kerana haiwan ini terlalu cerdas (seolah-olah tahu ada yang ingin menangkapnya).

“Apabila kita tiba sahaja dengan kelengkapan peralatan, kita dapati sukar untuk mengesan anjing ini, tapi apabila kita pulang daripada operasi, anjing terbiar ini muncul semula,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan celahan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ijok, Dr Idris Ahmad pada sesi sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada Khamis.

Tambah Izham, selain itu, kerajaan negeri berdepan kesukaran disebabkan tiada kontraktor berminat untuk menangkap haiwan itu.

## Perlis harumanis growers all set for visitors

**KANGAR:** The harumanis mango season in May is awaited by many, especially fruit orchard operators and growers who are busy making preparations to welcome tourists and fruit enthusiasts.

With the announcement of the reopening of the country's borders on April 1 and the transition to the endemic phase, harumanis mango fans will have the opportunity to experience picking and enjoying the sweetness of the fresh fruit.

Harumanis Mentalon Agro Farm manager Shahril Azmi Abu Bakar, 38, said although the fruit season would only arrive in two months, he has already received many inquiries and orders from customers.

"As the public's movement was restricted for the past two years under the movement

control order (MCO), it is not a surprise that many harumanis fans started requesting to buy the fruit following the government's recent announcement," he told Bernama.

Shahril said Harumanis Mentalon Agro Farm is in Kampung Belukar and covers 8,345ha.

He added with an entrance fee as low as RM10 per person, visitors could enjoy the fruit as much as they like.

"Before MCO, we would receive about 45 bus load of visitors at the orchard in three months.

"I expect the number to increase after the borders reopen.

"Most of our visitors are from other states such as Johor, Malacca, Selangor, Terengganu and Kelantan," he said.

Meanwhile, the farm marketing manager Ehsan Ibrahim, 44, said, since the implementation of MCO two years ago, they switched to online marketing.

Ehsan said he was surprised that response to online marketing was very good compared to the conventional methods used before.

"Before lockdown, we marketed our fruits through expos, farmers' markets and direct delivery to customers," he said.

Another harumanis mango grower in Beseri, Norzaidi Hashim, 56, is optimistic that the number of visitors to his mango orchard will increase this year.

He said several plans are being planned to attract more visitors to his orchard.

- Bernama

## BOOSTING AQUAPRENEURS

# GK Aqua launches Muga for B40

**KUALA LUMPUR:** Biotechnology company GK Aqua Sdn Bhd has launched Malaysian Udang Galah Aquapreneurs (Muga) to drive employment opportunities among the B40 community while increasing the country's standing as an exporter of top-quality freshwater prawns.

"Muga will empower aspiring aquapreneurs from the B40 community by recruiting them into GK Aqua's cluster farming community," the company said yesterday.

GK Aqua said it would equip aspiring aquapreneurs with fingerlings and feed to get started, aside from providing them with an immersion into the world of freshwater prawn farming through training and education on farming technology, as well as advisory and technical supervision.

The aquapreneurs will also receive three ponds each and a monthly salary, along with pond layout and technology application endorsements.



*An aquapreneur in the Muga programme.*

GK Aqua founder and chief executive officer Giva Kuppusamy said Muga would bring together different players from the public and private sector to put Malaysia on the map as a prime producer of sustainable freshwater prawns.

GK Aqua aims to recruit 500 aquapreneurs within the next three years, and has enrolled 40 farmers into Muga.

Development of GK Aqua's

farms in Taiping, Perak and Johor, which will both be utilised as Muga cluster farming communities, is underway. Another in Pahang is expected to be finalised before year end.

GK Aqua said the global freshwater prawn consumption market was valued at US\$7 billion.

In Malaysia, 3,000 tonnes of freshwater prawns are consumed annually with 90 per cent imported to meet local demand.

# 10-year-old Sufi bent on becoming a fish breeder

## BALIK PULAU

**W**HILE other children his age enjoy watching cartoon television shows or playing games, Mohamad Sufi Ryyan Suwardi Idris, 10, has developed a passion for fish breeding and rearing at his father's fishing ponds.

Fondly called "Adik" by his family, Sufi has been following his father, Suwardi Idris, 45, to the ponds ever since he was a year old, and is unafraid of being stung by catfish as he knows how to handle fish properly.

Suwardi owns over 10 fish ponds on a 0.4ha plot of land in Kampung Pulau Betong here.

"My father used to have ponds in Bayan Lepas before we shifted here (Kampung Pulau Betong). In the morning, I will go to the ponds to help my parents before attending school in the afternoon session.

"Now, I am in the morning session, I will go to the fish ponds after returning from school.

"These have been my playground since I was a year old.

"I am happy whenever I visit the ponds," Sufi said at his home recently.

The youngest of two siblings said apart from raising fish, his father taught him the process of breeding it, especially ornamental ones.

Aspiring to become a successful fish breeder, Sufi said Suwardi's early lessons in fish farming was one of the reasons why he planned to continue his studies in the field.

"I would like to study fish breeding in Taiwan, as it is known for its success and technology in fish breeding. My dad now teaches me about the practical aspects of fish breeding," he said.

He added that the knowledge and practical lessons he gained would help him succeed in this field.

Sufi hoped to share these with people so that they would be interested in fish farming.

Suwardi also cultivates a vegetable farm and rears quails with the help of his 49-year-old wife, Sih Mahyuti Markhaban.

"I passed on my knowledge to my son, both theory and practical, gained through courses organised by the Agriculture Department.

He said Sufi had never neglected his studies, despite his passion for fish breeding. **Bernamea**



*Mohamad Sufi Ryyan Suwardi Idris showing some of the fish he rears in a fish pond in Kampung Pulau Betong recently.*  
BERNAMA PIC